



## SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,  
Paras 25, KOMTAR,  
10503 Pulau Pinang

Telefon : 04-261 5613

Faxs : 04-261 8618

Laman Web : [www.penang.gov.my](http://www.penang.gov.my)

RUJ. KAMI : PSUKPP.KP.100-1/7/1

TARIKH : 17 R'akhir 1435  
17 Februari 2014

Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Jabatan Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

**PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
BIL. 1 TAHUN 2014**

**POLISI PERKONGSIAN DATA GEOSPATIAL  
NEGERI PULAU PINANG**

### TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menggantikan Polisi Perkongsian Data Geospasial Negeri Pulau Pinang versi 1.0 mengenai perkongsian di dalam penghasilan, penggunaan dan penyelenggaraan pangkalan data geospasial kepada agensi-agensi Kerajaan Negeri.

### LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Setiausaha Kerajaan Bil. 1 Tahun 2014 ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu *Electronic Good Governance* (eGG) Bil. 3/2013 bertarikh 10 Oktober 2013 bagi memantapkan polisi perkongsian sedia ada.

3. Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Bil. 1 Tahun 2014 ini juga merupakan penyesuaian kepada Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2012

bertajuk “Garis Panduan Perkongsian Dan Penyebaran Maklumat Geospasial Melalui Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI)”.

4. Selaras dengan ini, surat pekeliling ini dan polisi yang telah disediakan adalah merupakan penyesuaian bagi memperluaskan dan memantapkan perkongsian, pertukaran, pencapaian dan penyebaran data GIS dan maklumat geospasial di kalangan jabatan dan agensi kerajaan Negeri Pulau Pinang.

#### **KANDUNGAN DASAR**

5. Polisi Perkongsian Data Geospasial Negeri Pulau Pinang merangkumi perkara-perkara seperti berikut :

- (a) Metodologi perkongsian maklumat geospasial;
- (b) Tatacara penyebaran dan pertukaran maklumat geospasial;
- (c) Penyeragaman maklumat-maklumat yang dikongsi mengikut standard-standard yang telah ditetapkan.

#### **PEMAKAIAN**

6. Surat Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Jabatan Negeri untuk diterima pakai manakala Agensi Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri adalah tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.


#### **TARIKH KUATKUASA**

7. Polisi baru ini berkuat kuasa mulai tarikh Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Bil. 1 Tahun 2014 ini dikeluarkan.

## **PEMBATALAN**

8. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling ini, maka Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Bil. 1 Tahun 2011 - Polisi Perkongsian Data Geospatial Negeri Pulau Pinang adalah dibatalkan.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



[ DATO' FARIZAN BIN DARUS ]